

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTRI
BRUNEI DARUSSALAM**

**JKN/BPEA/SH/B/2025-2026(8)
SEBUTHARGA:**

**KERJA-KERJA MEMFABRIKASI DAN PENAIKTARAFAN RUMAH SAMPAH
DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN.**

PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH KESEMUA PEMBORONG/SYARIKAT YANG IKUT SERTA:

- A. Kadar harga adalah termasuk membekalkan semua tenaga buruh yang mencukupi dan berkebolehan/berkepakaran, peralatan yang bersesuaian/berkaitan dan apa jua jenis/kaedah pengangkutan yang diperlukan untuk menyempurnakan kerja-kerja yang sebutkan di bawah.
- B. Syarikat adalah dikehendaki secara mandatori untuk menghadiri sesi penerangan yang akan diadakan pada 1 Julai 2025 jam 3:00 petang di lobi utama Mahkamah Besar (sebarang perubahan jika ada akan dimaklumkan melalui lama sesawang rasmi Jabatan Kehakiman Negara)
- C. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dikehendaki menyediakan polisi insuran atas pekerja-pekerja/buruh yang diaturkan serta dikehendaki mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh S.H.E.N.A (Safety, Health and Environment National Authority) dan agensi-agensi teknikal Kerajaan yang berkaitan.
- D. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah juga dikehendaki membaik pulih keatas prasarana bangunan yang terganggu/mengalami kerosakan semasa perlaksanaan projek dan dikehendaki menjaga kebersihan tapak projek dengan memastikan kesemua sepihan/kekotoran/sisa-sisa/tumpahan dibersihkan dengan kaedah sewajarnya dan membuangnya ke tempat pembuangan sampah milik syarikat atau mana-mana tempat pembuangan yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.
- E. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dikehendaki membekalkan waranti bahan yang telah dipasang/dibekalkan (jika berkaitan).
- F. Kegagalan syarikat/pemborong yang terpilih menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan denda yang berpatut atau tegahan dari mengikuti sebarang sebutharga mahupun tawaran Kerajaan.
- G. Peraturan sebutharga ini adalah dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan mana-mana pertaturan yang berkaitan.

NO.	Keterangan	KUANTITI	UNIT	KADAR	JUMLAH					
1	<p><u>SKOP KERJA MEMFABRIKASI, PENGGANTIAN DAN PEMASANGAN PINTU RUMAH SAMPAH.</u></p> <p>a) Memfabrikasi, penggantian dan pemasangan pintu rumah sampah jenis <i>Stainless steel</i> menguna pakai sukatan yang tertera dalam lukisan (<i>drawing</i>) dan akan ditetapkan semasa sesi pernerangan (<i>information session</i>) Kadar termasuk kerja-kerja penaiktarafan dan penambahan rangka pintu serta aksesori seperti <i>safetylock</i> dan pemegang. (Reka bentuk akan di maklumkan lebih lanjut pada sesi penerangan).</p>	1	LOT	\$	\$					
	<p>b) Kerja-kerja pemasangan siling jenis siemen board pada ruang terbuka bawah atap. Kadar termasuk kerja-kerja pemasangan bingkai yang mencukupi dan mencat keatas siling berkenaan yang ditetapkan semasa sesi pernerangan (<i>information session</i>).</p>	1	LOT	\$	\$					
	<p>c) Kerja-kerja pemasangan rawa besi (<i>metal mesh</i>) beukuran 10mm ke dinding <i>louvres</i> yang dianggarkan berukuran 2180mm lebar x 1380 tinggi.</p>	1	LOT	\$	\$					
	JUMLAH									
Sebutharga ini hendaklah dihadapkan sebelum hari Selasa 8 Julai 2025 tidak lewat jam 2.00 petang										
Tempoh untuk menyelesaikan projek tersebut adalah 14 hari dari tarikh menerima surat lantikan atau pesanan pembelian dari Jabatan.										
NAMA:			COP SYARIKAT							
TANDATANGAN:										
NAMA SYARIKAT:										